

**MENUJU**

---

**ERA  
GEMILANG**

**MUSTAPA MOHAMED**



**MEDIA INDAH SDN BHD**

ISBN 967-9915-06-9

Harga: \$5.00

MEDIA INDAH SDN. BHD.  
72A, Jalan Berhanuddin Helmi  
Taman Tun Dr. Ismail  
60000 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-7177701/7177702

Cetakan Pertama 1990

© Hakcipta Mustapa Mohamed, 1990

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan  
mana-mana bahagian artikel/ilustrasi/isi kandungan buku ini dalam  
bentuk apa pun juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik,  
rakaman ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis  
daripada Pengarah Urusan Media Indah Sdn. Bhd.

Muka taip teks: Palatino Light

Saiz taip teks: 11/13 poin

AI  
338.9591  
MUS

546496

Dicetak oleh Percetakan Turbo (M) Sdn Bhd  
Petaling Jaya

4 DEC. 1990

Perpustakaan Negara

## DAFTAR ISI

Prakata	7
Mukadimah	8
Stail Pengurusan Kewangan	10
Implikasi Ke Atas Institusi Kewangan	23
Kepimpinan Ekonomi Yang Baru	33
Pemulihan Ekonomi	47
Kemajuan Yang Pesat	67
Penutup	78

# PRAKATA

ADA orang yang berpendapat rakyat Malaysia hidup dalam "neraka". Keadaan hidup rakyat Malaysia kini adalah lebih dahsyat dari masa pemerintahan Jepun, kata golongan ini.

Tetapi kebanyakan rakyat Malaysia tidak bersetuju dengan pendapat ini. Di bidang ekonomi khususnya, kita telah mencapai banyak kejayaan sejak tahun 1988. Ini adalah hasil ketegasan pemimpin serta sokongan rakyat Malaysia terhadap usaha-usaha Kerajaan.

Buku ini menjelaskan bagaimana negara telah berjaya keluar daripada cengkaman kemelesetan ekonomi sehingga menjadi sebuah ekonomi yang kuat dan kukuh. Faedah daripada perkembangan ekonomi yang pesat ini sedang dinikmati oleh setiap golongan rakyat.

Penulis ingin mengucapkan penghargaan kepada Hashim Makaruddin atas segala bantuan, buah fikiran, tenaga dan masa.

Kuala Lumpur  
20 September 1990

M.M.

## MUKADIMAH

DALAM politik negara masa kini, isu-isu ekonomi merupakan salah satu daripada perkara utama yang dibangkitkan oleh pihak yang menentang Kerajaan.

Mereka yang membangkitkan isu-isu ini bercakap seolah-olah mereka adalah pakar dalam bidang ekonomi. Dengan memutarbelitkan kenyataan dan melemparkan tuduhan melulu, mereka telah berjaya mempengaruhi pemikiran sebahagian daripada rakyat Malaysia.

Walaupun ekonomi telah berkembang dengan pesat sejak tahun 1988, golongan ini masih lagi menafikan kejayaan cemerlang yang dicapai oleh negara.

Buku ini menganalisis beberapa isu ekonomi yang dibangkitkan dan menyarankan bahawa kedudukan ekonomi serta kewangan negara akan semakin teruk, sekiranya tidak berlaku perubahan dalam kepimpinan ekonomi pada pertengahan tahun 1980-an. Ia mengemukakan pendapat bahawa kejayaan cemerlang negara di bidang ekonomi adalah berikutan perubahan dalam stail kepimpinan ekonomi.

Kepimpinan yang tegas, berani dan berpandangan jauh telah memberi perangsang serta menjadi pendorong utama untuk rakyat Malaysia menempa masa depan yang lebih cemerlang. Rakyat Malaysia kini mengenali harga diri dan mempunyai keyakinan untuk menjadi satu bangsa yang dihormati dan disegani di dunia.

## STAIL PENGURUSAN KEWANGAN

MENJELANG pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada bulan April 1987, pelbagai tuduhan telah dilemparkan terhadap pucuk pimpinan parti. Tuduhan-tuduhan ini berkisar kepada dua perkara, iaitu stail kepimpinan Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan kelemahan serta penyelewengan yang dikatakan berlaku dalam pengurusan ekonomi dan kewangan negara pada ketika itu.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kesemuanya dipersalahkan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir.

Mereka yang membuat tuduhan ini lupa bahawa semasa menganggotai Kerajaan, mereka telah diberikan peranan-peranan tertentu dalam pentadbiran negara. Prinsip tanggungjawab bersama atau *collective responsibility* serta sumpah ikrar untuk menyimpan rahsia sudah tidak bermakna lagi. Ini adalah semata-mata kerana hasrat peribadi mereka tidak tercapai. Harga barangan jatuh dan ekonomi negara meleset dikatakan disebabkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir, walaupun pada ketika itu seluruh dunia mengalami kemelesetan.

Bab ini akan menganalisis pengurusan kewangan Kerajaan sejak pertengahan tahun 1970-an sehingga sekarang. Pengurusan kewangan Kerajaan amat penting dalam menentukan kestabilan ekonomi sesebuah negara.

Jika kewangan diuruskan dengan cekap dan baik, keadaan ekonomi akan kukuh dan stabil. Seterusnya keadaan ekonomi yang kukuh dapat menentukan kestabilan politik negara. Pengurusan kewangan yang tidak cekap dan lemah akan menimbulkan pelbagai masalah yang boleh membawa kepada keadaan huru-hara dalam sesebuah negara.

Keperluan asasi manusia seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal hanya dapat dipenuhi jika ekonomi sesebuah negara diuruskan dengan betul. Pengurusan kewangan yang cekap adalah salah satu daripada prasyarat utama kepada pencapaian objektif-objektif negara yang lain.

## DEFINISI PENGURUSAN KEWANGAN

Yang dimaksudkan dengan pengurusan kewangan dalam konteks ini ialah bagaimana Kerajaan Persekutuan mengutip hasil dan membelanjakan peruntukan yang disediakan pada tiap-tiap tahun. Ia tidak meliputi dasar kewangan yang dilaksanakan oleh Bank Negara yang lebih menumpukan perhatian kepada kawalan ke atas bekalan wang serta kadar faedah dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Pada umumnya dasar kewangan Bank Negara adalah konservatif dan tidak menimbulkan banyak kontroversi. Yang menimbulkan kontroversi ialah



perbelanjaan Kerajaan, terutama sekali jumlah dan tujuan perbelanjaan tersebut.

Beberapa kepincangan besar dalam pengurusan kewangan dikenalpasti di negara kita sejak tahun 1976. Aspek-aspek pengurusan kewangan yang akan dianalisis dalam bab ini terbahagi kepada tiga perkara iaitu seperti berikut:

- (i) stail atau corak kepimpinan dalam pengurusan kewangan;
- (ii) sebab-sebab stail itu diamalkan; dan
- (iii) implikasi ataupun kesan daripada amalan stail tersebut.

Yang dimaksudkan dengan stail pengurusan kewangan ialah cara-cara serta pendekatan yang diamalkan dalam mengurus dan mengawal perbelanjaan. Stail yang diamalkan ini ada hubungan dengan teori-teori mengenai pengurusan kewangan, tetapi satu aspek yang kurang diberi perhatian ialah kesan atau pengaruh personaliti seseorang individu ke atas *quality* atau mutu pengurusan kewangan.

Perkara ini tidak menimbulkan masalah semasa ekonomi negara pesat berkembang tetapi ia menonjol apabila ekonomi negara dilanda kemelesetan.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam mana-mana organisasi sekalipun, stail seorang ketua itu penting dalam menentukan kecekapan dan kejayaannya. Jika pemimpin sesebuah organisasi itu lemah maka sudah tentu organisasi itu juga akan lemah. Sebaliknya jika sesebuah organisasi itu dipimpin oleh seorang yang tegas, berani dan dedikasi maka kesannya akan meresap ke seluruh organisasi tersebut.

Pengurusan sesebuah organisasi itu akan menjadi cekap ataupun sebaliknya, bergantung kepada mutu kepimpinan serta stail kepimpinannya. Kerana itulah negara yang mempunyai seorang pemimpin yang berpandangan jauh dan cecal dalam menghadapi pelbagai cabaran akan berjaya membawa bangsanya ke mercu kejayaan.

## PERBEZAAN STAIL PENGURUSAN

Terdapat banyak perbezaan stail pengurusan kewangan, dalam dua tempoh seperti berikut:

- (i) tahun 1976 sehingga 1984; dan
- (ii) tahun 1984 sehingga sekarang.

Era pertama, iaitu dari tahun 1976 hingga 1984, bolehlah disifatkan sebagai era di mana stail pengurusan ekonomi terlalu *relax* atau sambil lewa.

Yang dimaksudkan dengan *relax*, ialah tidak memberikan perhatian yang serius terhadap pentingnya kewangan diuruskan dengan cekap dan berkesan. Kesan dasar kewangan ke atas masa depan negara dalam jangka masa panjang kurang diberi perhatian. Pada masa itu pengurusan kewangan dilaksanakan untuk mencapai matlamat jangka pendek, tanpa perancangan yang teliti dan berkesan.

Kewangan diuruskan berasaskan andaian seolah-olah seperti kata orang Inggeris: *Good times will roll forever*, iaitu keadaan yang baik akan berterusan selama-lamanya. Oleh itu, tumpuan yang diberikan terhadap perancangan jangka panjang kurang sekali. Misalnya, tidak terdapat kawalan yang bersungguh-sungguh dan sempurna dibuat ke atas perbelanjaan

Kerajaan. Kerajaan memang mempunyai sistem dan peraturan tertentu bagi mengawal perbelanjaan.

Umpamanya, akaun-akaun Kerajaan diaudit oleh Ketua Audit Negara tiap-tiap tahun. Tetapi oleh kerana stail pengurusan yang *relax*, peraturan-peraturan yang ditetapkan itu tidak dikuatkuasakan sepenuhnya. Apabila Ketua Audit Negara memeriksa akaun sesebuah badan Kerajaan, biasanya ia sudah terlewat. Nasi sudah menjadi bubur dan kelemahan serta penyelewengan sukar untuk dikesan. Akibatnya terdapat pihak-pihak yang boleh berbuat apa saja tanpa tindakan tegas diambil terhadap mereka.

Berkait rapat dengan stail pengurusan kewangan yang *relax* ini, ialah amalan boros oleh pihak-pihak tertentu dalam membelanjakan wang rakyat. Malah ada yang menganggap boros sebagai nilai positif. Pejabat diperbaiki sesuka hati dan dilengkapi dengan barang-barang mewah. Yang penting ialah bergaya, bukannya hasil kerja.

Oleh itu ada beberapa pejabat yang hebat sekali, sehingga pejabat-pejabat di negara maju pun tidak boleh menandinginya. Tetapi hasil kerjanya tidak seberapa. Wang rakyat dibelanjakan seolah-olah ianya kepunyaan mereka sendiri tanpa menghiraukan hakikat bahawa wang itu sebenarnya dikutip daripada rakyat melalui cukai dan pinjaman dari dalam dan luar negeri. Rakyat pula tidak mempersoalkan amalan ini, mungkin kerana budaya orang Melayu yang segan menegur golongan bangsawan.

Amalan boros ini telah tidak dapat disekat oleh kerana tidak ada pihak yang mengambil perhatian berat untuk mengawal perbelanjaan. Jika seseorang ketua organisasi itu boros, dan hidup bergaya, orang

di bawahnya juga akan berbelanja tanpa menghiraukan batasan. Kalau bapak kencing berdiri, anak sudah tentu kencing berlari. Inilah *Kepimpinan Melalui Teladan* yang buruk, yang tidak harus diteladani. Apabila sumber perbelanjaan adalah daripada Kerajaan, sikap yang diambil ialah mereka boleh berbuat apa saja.

Umpamanya hutang yang diperolehi dari agensi Kerajaan, dianggap tidak perlu dibayar. Syarikat Kerajaan tidak perlu diuruskan dengan baik kerana jika timbul masalah, Kerajaan sedia membantu. Oleh kerana pentadbiran kewangan lemah, Kerajaan telah rugi berjuta-juta ringgit. Tidak siapa yang menghiraukannya. Pegawai Kerajaan atau syarikat Kerajaan tidak ditegur, kerana khuatir pengaruh mereka akan terjejas. Oleh itu ada orang yang boleh berbuat apa saja.

## PUNCA PENGURUSAN LEMAH

Stail pengurusan kewangan yang dihuraikan di atas berpunca daripada beberapa sebab. Antara sebab utamanya ialah personaliti orang tertentu yang menguruskan kewangan.

Oleh kerana kehidupan mereka yang mewah dan sepanjang hayat mereka mungkin tidak pernah kenal susah, stail dalam menguruskan kewangan peribadi telah meresap dalam organisasi yang mereka pimpin. Jika yang menguruskan kewangan itu orang bawahan yang pernah melalui kesusahan, pengalaman ini sudah tentu akan mewarnai stail pengurusannya. Ini tidak dapat dielakkan. Inilah faktor utama yang menyebabkan tiada perhatian berat diberikan terhadap kawalan ke atas perbelanjaan Kerajaan.

Oleh kerana sifat pemimpin begitu, orang bawahan akan berlagak lebih daripada itu. Orang bawahan mempunyai kebebasan untuk membuat sesuka hati mereka, oleh kerana perkara ini tidak diambil berat oleh pihak atasan.

Satu lagi sebab mengapa perkara ini timbul ialah kerana percaturan politik yang berlaku pada ketika itu. Terdapat beberapa individu yang mempunyai cita-cita tinggi telah menggunakan kedudukan mereka untuk mencapai tujuan peribadi. Tujuan peribadi ini mengatasi segala-galanya, tanpa mengira kesan ke atas rakyat serta kedudukan ekonomi dan kewangan negara.

Perebutan kuasa dalam UMNO, khususnya dalam tahun 1981 dan 1984, telah mendorong mereka untuk menggunakan kuasa dan kedudukan untuk memantapkan lagi kedudukan di dalam parti. Tindakan mereka menunjukkan kepentingan peribadi adalah lebih penting daripada kedudukan ekonomi negara. Peruntukan Kerajaan ditabur merata-rata untuk mencari sokongan politik.

Budaya boros ini juga telah meresap ke dalam politik tanah air, di mana banyak perbelanjaan dibuat untuk membeli sokongan. Politik wang mula diamalkan dan secara beransur-ansur menjadi sebahagian daripada budaya UMNO. Matlamat peribadi ialah untuk memegang sesuatu jawatan. Oleh itu banyak wang telah ditaburkan untuk memikat hati pengundi. Dari mana duit itu datang, *wallahualam*.

Stail yang *relaxed* ini juga timbul oleh kerana pada ketika itu ekonomi negara berkembang dengan pesatnya. Pertumbuhan ekonomi antara tahun 1979 hingga 1984 ialah kira-kira 7.5 peratus. Pada tahun

1979 kadar pertumbuhan ialah 9.3 peratus (Lihat **Jadual 1**):

**Jadual I**  
**Pertumbuhan Ekonomi Malaysia 1979 - 1984**

Tahun	Pertumbuhan (%)
1979	9.3
1980	7.8
1981	6.9
1982	5.9
1983	6.3
1984	7.8

Keadaan ini membolehkan pihak-pihak tertentu menggunakan sumber kewangan yang berkembang itu bagi tujuan politik mereka.

Pada ketika itu, harga barangan utama termasuk petroleum adalah pada tahap yang tinggi. (Lihat **Jadual II**). Ini bermakna hasil Kerajaan Persekutuan adalah menggalakkan.

**Jadual II**  
**Harga Barangan Utama 1979 - 1984**

Tahun	Getah RSS I (Sen)	Minyak Kelapa Sawit (\$/tan)	Petroleum Mentah (US \$ Setong)
1979	279.28	1310.00	21.09
1980	312.35	1172.00	36.50
1981	257.81	1200.00	39.00
1982	201.13	829.00	36.27
1983	247.22	984.00	30.71
1984	224.57	1583.00	29.34

## PINJAMAN MENINGKAT

Hasil yang banyak dikutip oleh Kerajaan dalam tempoh tahun 1976 hingga 1984 menyebabkan orang-orang tertentu dalam Kerajaan lupa akan tanggungjawab mereka terhadap masa depan negara. Bagi mereka, sumber-sumber kewangan akan berkembang tanpa had. Oleh itu perbelanjaan Kerajaan ditambah dengan banyaknya. Tak cukup dengan hasil, mereka berhutang pula dengan banyak.

Pinjaman telah bertambah pada kadar yang tinggi dalam jangkamasa 1981 hingga 1984, untuk membiayai perbelanjaan ini. Dalam tahun 1982 sahaja, pinjaman luar negeri berjumlah \$4893 juta.

Jadual III

Pinjaman Luar Negara Kerajaan Persekutuan 1979 - 1984

Tahun	Jumlah Pinjaman
1979	679
1980	310
1981	3419
1982	4893
1983	4569
1984	3093

Pinjaman yang banyak dan perbelanjaan yang tinggi ini telah membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. Ramai pakar-pakar ekonomi negara berpendapat pertumbuhan ekonomi yang tinggi pada awal tahun 1980-an adalah berikutan pinjaman yang banyak. Tetapi pertumbuhan ini berbentuk *artificial* sahaja. Akibatnya pada hari ini negara terpaksa menanggung beban pinjaman yang

diambil untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang *artificial* ini.

## DISIPLIN KURANG

Stail pengurusan yang *relax* telah menjejaskan dan membebankan ekonomi negara. Selain daripada pertumbuhan yang tinggi dalam hutang luar negara, disiplin kewangan pada ketika itu amat kurang sekali.

Ada Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang membelanjakan wang sesuka hati mereka. Bilangan kakitangan Kerajaan ditambah sewenang-wenangnya, tanpa mengira kemampuan kewangan. Di sesetengah Jabatan, terdapat kakitangan yang berlebihan. Pegawai atasan kurang memberi perhatian terhadap kawalan ke atas perbelanjaan.

Dalam keadaan ini, ada juga yang mengambil kesempatan menyeleweng dan menyalahgunakan wang Kerajaan. Tetapi tindakan tegas diambil terhadap mereka walaupun ada di antara penyelewengan ini yang dapat dikesan oleh Jabatan Audit Negara. Oleh itu, mereka bermaharajalela. Bukan sahaja disiplin kewangan yang kurang pada ketika itu, tetapi disiplin di dalam pelbagai aspek pentadbiran juga adalah pada tahap yang rendah.

Sebelum 1981, iaitu sebelum sistem kad perakam waktu diperkenalkan, sebahagian daripada pegawai-pegawai Kerajaan tidak mula bekerja sebelum pukul 9.00 pagi. Jika pun mereka memulakan kerja jam 9.00 pagi, mereka kurang serius dalam menjalankan tugas serta tidak memberi layanan yang baik kepada orang ramai dan sektor swasta. Boss-boss ada yang memulakan tugas selepas bermain golf. Masakan boss



hendak mula tugas awal, Menteri pun datang ke pejabat jam 10.00 pagi.

Ini semua adalah akibat daripada sistem pengurusan yang lemah, dan kesan daripada pemimpin-pemimpin organisasi yang menunjukkan teladan yang buruk terhadap orang bawahan mereka. Stail pengurusan yang *relax* ini nampaknya telah meresap ke setiap organisasi dalam sektor awam dan juga sebahagian daripada sektor swasta. Jika ianya tidak disekat, keadaan ekonomi negara sudah tentu akan terjejas dengan teruk.

Sikap dan amalan ini tidak sesuai dalam tahun 1990-an. Inilah agaknya sebab mengapa pada pertengahan tahun 1984, YAB Perdana Menteri telah menukar kepimpinan ekonomi negara.

Oleh kerana kepimpinan kewangan yang lemah berlarutan dari tahun 1976 hingga 1984 dan meresap ke setiap organisasi, maka apabila tindakan diambil untuk menegakkan disiplin kewangan, seperti yang dijangka, banyak pihak yang melenting. Mereka bagaikan terkena kejutan elektrik. Tetapi ini adalah reaksi biasa daripada mereka yang tidak pernah ditegur. Mereka melenting kerana kawalan yang ketat dikenakan. Sebelum ini tiada siapa pun yang menyekat kehendak mereka.

Sebelum ini mereka boleh berbuat apa sahaja. Oleh kerana dengan tiba-tiba kawalan diketatkan, mereka telah membangkitkan pelbagai persoalan. Kenapa dahulu mereka boleh berbuat apa sahaja tetapi sekarang semua sudah tidak boleh dibuat lagi?

Ini tabiat manusia, mereka memang tidak suka dikawal. Jika boleh, mereka ingin *relax* sepanjang masa

tetapi habuannya hendaklah pada tahap yang paling maksimum. Kalau boleh, mereka mahu terima gaji buta. Mereka lupa, sebagai orang Islam yang diamanahkan untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu, mereka berdosa besar jika mengabaikan tugas tersebut.

*Alhamdulillah*, pada hari ini perasaan tanggungjawab dan amanah dalam pentadbiran Kerajaan telah bertambah baik. Hari ini semua pihak sedang mengejar kecemerlangan. Baik di sektor awam mahupun sektor swasta, disiplin pekerja bertambah baik. Mutu pengurusan juga bertambah baik. Tetapi perubahan ini tidak datang menggolek. Ia perlu diusahakan. Usaha ini dibuat oleh pemimpin yang gigih bekerja dan sentiasa berfikir demi masa depan rakyat Malaysia.

## PERUBAHAN CORAK PENGURUSAN

Perubahan sikap adalah perlu bagi memperbaiki pengurusan dalam mana-mana organisasi. Tindakan tegas perlu diambil untuk memperbaiki keadaan yang semakin hari semakin membimbangkan. Oleh itu semenjak tahun 1984 beberapa langkah tegas telah diambil oleh Kerajaan bagi menyekat stail pengurusan kewangan yang sambil lewa daripada terus mengancam kestabilan ekonomi negara.

Kita perlu membina bukan sahaja sektor awam yang kuat dan kukuh, tetapi juga satu sektor swasta yang mantap. Jika sektor awam memberi teladan kurang baik kepada sektor-sektor lain maka mustahil sektor swasta dapat berkembang dengan pesat. Jika sektor awam lemah dan tidak berkesan, maka adalah sukar bagi mewujudkan sektor swasta yang dapat bersaing dengan berkesan di pasaran dunia.

Oleh kerana itulah Kerajaan terpaksa mengambil tindakan tegas bagi memastikan negara ini dapat menggunakan sumber-sumber yang ada dengan cara yang paling berkesan. Ini semua dilakukan sejak tahun 1984 di mana beberapa perubahan radikal dalam pengurusan kewangan diperkenalkan bagi menjamin ekonomi negara lebih mantap lagi.

Dengan kehendak Allah s.w.t., corak kepimpinan ekonomi negara telah berubah. Tanpa perubahan ini, Tuhan sahaja yang tahu akibatnya. Negara kita, besar kemungkinan akan berada di tahap lama. Sektor industri mungkin lembap berkembang. Rakyat mungkin semakin malas dan mudah berpuas hati. Lebih dari itu, negara mungkin bankrap.

Oleh kerana kepimpinan ekonomi selepas tahun 1984 tidak mengutamakan kepentingan peribadi, dan mereka tidak sanggup melihat negara bankrap, tindakan tegas diambil bagi memperbaiki keadaan. Kerana itulah perbelanjaan telah dikurangkan dengan banyaknya. Apabila ekonomi dilanda kemelesetan, peruntukan dikurangkan. Ini langkah yang paling tidak popular. Bagi pemimpin sekarang, yang lebih penting bukan populariti, tetapi masa depan negara.


Kalau dulu, jika ekonomi dilanda kemelesetan, perbelanjaan Kerajaan ditambah dengan berhutang. Sekarang pendekatannya berlainan. Tindakan mengurangkan perbelanjaan diambil bagi menyelamatkan negara dari padah yang lebih besar di masa hadapan. Kepimpinan ekonomi sekarang memandang jauh ke hadapan, bukan sekadar melihat kepada keadaan dalam satu dua tahun atau melaksanakan sesuatu untuk mencapai objektif peribadi mereka. *Insyallah*, walaupun dicaci dan dicerca, dasar-dasar ini telah berjaya membuahkan hasil.

## IMPLIKASI KE ATAS INSTITUSI KEWANGAN

SEKARANG kita huraikan implikasi ke atas ekonomi negara akibat daripada stail pengurusan kewangan yang *relaxed* yang diamalkan sebelum tahun 1984. Kita juga akan menganalisis beberapa perubahan yang dilaksanakan semenjak tahun 1984 bagi mengubah corak kepimpinan ekonomi dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat sebelumnya.

Ada di antara kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kewangan yang terdapat sebelum 1984 hanya timbul selepas tahun tersebut. Ini bermakna benih atau punca beberapa masalah yang tercetus selepas tahun 1984 sebenarnya telah tertanam beberapa tahun sebelum 1984. Selepas tahun 1984 barulah kelemahan-kelemahan ini terdedah.

Walaupun sebahagian daripada masalah yang timbul adalah disebabkan kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1985, tetapi corak pengurusan ekonomi memainkan peranan besar dalam mencetuskan masalah-masalah ini.



Bank Bumiputera amat tenat di suatu ketika disebabkan oleh Skandal BMF. Kini sudah mencapai keuntungan. Bank-bank lain menunjukkan prestasi yang baik.

## BMF DAN BANK RAKYAT

Implikasi yang paling ketara dari stail pengurusan yang *relax* ini adalah ke atas institusi-institusi kewangan, iaitu bank-bank, syarikat-syarikat kewangan dan syarikat insurans. Masalah yang paling teruk sekali ialah skandal BMF.

Seperti yang telah dilaporkan dalam Kertas Putih BMF, masalah dalam bank ini bermula pada akhir tahun 1970-an dan awal tahun 1980-an. Akibat daripada beberapa peraturan yang tidak memuaskan, kawalan yang amat longgar dan penyelewengan yang dilakukan oleh pengurusan BMF, Bank ini telah mengalami kerugian lebih \$2,000 juta sehingga memaksa Kerajaan campurtangan. Ini berpunca daripada pucuk pimpinan kewangan yang lemah. Kawan-kawan rapat yang tidak mempunyai rekod pengurusan yang baik telah ditempatkan di jawatan-jawatan yang strategik dalam bank. Akibatnya pengurusan lemah dan penyelewengan lebih senang berlaku.

Mengikut Kertas Putih BMF yang dikeluarkan pada tahun 1986, "Adalah nyata bahawa peristiwa BMF berpunca dari penyelewengan dan salah pengurusan serta perbuatan tidak mengendahkan peraturan urusan Bank oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah serta pegawai-pegawai tinggi Bank Bumiputra dan BMF yang mengutamakan kepentingan diri."

Petualang-petualang dalam BMF berani melakukan itu semua kerana mereka tahu, tidak ada siapa yang akan mengambil tindakan terhadap mereka. Tetapi anggapan mereka salah kerana bermula pada tahun 1985, mereka telah diburu oleh undang-undang. Skandal ini memalukan negara dan merupakan salah

satu contoh di mana stail kepemimpinan ekonomi sambil lewa yang diamalkan ketika itu telah meresap ke sektor swasta, khususnya dalam sektor bank.

Sebelum tahun 1984 institusi kewangan di negara ini tidak dikawal dengan rapi. Walaupun peristiwa Bank Rakyat telah mendedahkan beberapa kelemahan dalam sistem bank, nampaknya bank-bank masih tidak diuruskan dengan cekap.

Kertas Putih mengenai Bank Rakyat yang diterbitkan dalam tahun 1979, antara lain menyatakan bahawa pengurusan bank tersebut tidak cekap dan tidak amanah. Ada antara pinjaman-pinjaman diberikan kepada orang-orang tertentu atas nama peribadi, ataupun atas kepentingan politik semata-mata. Ada pengurus bank yang memberi pinjaman kepada saudara mara tanpa banyak soal bicara. Ada juga pinjaman-pinjaman yang diluluskan tanpa sebarang sandaran atau *collateral*.

Peristiwa Bank Rakyat berulang lagi di BMF.

## PENYELEWENGAN DALAM BANK

Penerimaan *coffee money* di kalangan pegawai-pegawai bank berleluasa pada suatu ketika dahulu. Kalau disuap, pinjaman pasti diluluskan. Hendak meminjam membeli rumah pun kena bayar *commission*.

Selain daripada itu, atas sebab-sebab tertentu projek-projek yang tidak berdayamaju pun diluluskan pinjaman oleh institusi kewangan. Ada kalanya projek tidak wujud, tetapi pinjaman dikeluarkan. Tidak banyak kawalan yang dikenakan ke atas sistem bank dan ini telah dieksploitasikan oleh pegawai-pegawai bank yang curang dan tidak amanah. Walaupun

beberapa peraturan dikenakan, ianya telah tidak dikuatkuasakan. Ini membolehkan mereka yang menguruskan institusi kewangan bermaharajalela. Mereka lupa bahawa sebenarnya mereka adalah pemegang amanah, untuk menguruskan simpanan orang ramai agar selalu dalam keadaan selamat.

Akibat kecurangan dan ketiadaan kawalan rapi, pengurus-pengurus bank telah berbuat apa sahaja yang mereka suka tanpa menghiraukan kepentingan orang ramai. Oleh itu banyak penyelewengan telah berlaku. Yang penting bagi mereka, ialah kepentingan peribadi. Mereka telah cuba mengaut keuntungan maksimum untuk diri sendiri. Rasuah banyak berlaku dalam sistem bank, tetapi anehnya rasuah dalam bank tidak dihebohkan oleh media massa, berbanding dengan rasuah yang diterima umpamanya oleh pegawai rendah Kerajaan seperti Konstabel Polis.

Oleh kerana itulah kita dapati pegawai-pegawai bank pada suatu ketika merupakan orang yang terkaya di negara ini. Sampai sekarang pun ada antara mereka yang kaya. Ada antara mereka yang menggunakan wang yang disimpan oleh pelanggan untuk tujuan peribadi, membeli saham dan harta. Tetapi pada ketika itu perkara ini berleluasa oleh kerana tidak ada siapa yang mengambil berat terhadapnya. Kalau orang atas menyeleweng, orang bawah lebih lagi. Ini bermakna corak pengurusan yang *relax* dalam sektor awam telah meresap ke sektor swasta.

## **BANK DAN SYARIKAT KEWANGAN RUGI**

Berikutan daripada sistem kawalan yang longgar ini, kita dapati satu persatu institusi kewangan mengalami



masalah. Selepas BMF, bank-bank lain pula menghadapi masalah. Penyakit ini merebak kepada bank-bank lain seperti UAB, Perwira Habib Bank, Sabah Bank dan Oriental Bank.

Masalah-masalah ini berpunca daripada pinjaman-pinjaman yang diberikan tanpa pertimbangan teliti serta pegawai-pegawai atasan yang curang, tidak ikhlas dan mengamalkan rasuah. Banyak sekali pegawai bank yang tidak amanah ketika itu. Ketika ekonomi berkembang dengan pesat, penyelewengan ini dapat dikambus dan diselindungi. Tetapi apabila ekonomi meleset, penyelewengan ini terdedah, satu demi satu. Akibatnya Perwira Habib Bank kerugian \$412.2 juta dalam tahun 1985 dan United Asian Bank kerugian \$349.4 juta dalam tahun 1986.

Krisis yang dihadapi oleh bank diikuti pula oleh syarikat-syarikat kewangan. Antara sebab kenapa masalah ini timbul ialah kerana lesen-lesen diberikan kepada kawan-kawan politik. Hampir tiap-tiap buah negeri diberikan lesen syarikat kewangan, semata-mata untuk membeli sokongan. Akibatnya, pada hari ini terdapat terlalu banyak syarikat kewangan yang lemah pengurusannya sehinggakan hampir kesemua mereka menghadapi masalah. Jika kawan-kawan ini pandai menguruskan kewangan, tidak mengapa, tetapi kebanyakan mereka tidak tahu menguruskan syarikat kewangan. Satu persatu syarikat-syarikat ini mengalami kerugian yang besar.

Antara syarikat kewangan ini termasuklah Supreme Finance, Visia Finance, First Malaysia Finance, KL Finance, Kewangan Usaha Bersatu Berhad (KUBB) dan Pekembarjaya. *Merchant bank* pun ada yang mengalami masalah. Ada antaranya telah hilang

kesemua sekali modalnya kerana kerugian yang besar. Masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat kewangan ini adalah sama dengan masalah yang dihadapi oleh bank. Pinjaman-pinjaman diberikan tanpa pertimbangan teliti dan penyelewengan dilakukan oleh kakitangan. Ada orang berpendapat masalah ini timbul kerana kemelesetan ekonomi. Sebenarnya ia disebabkan oleh corak kepimpinan ekonomi ketika itu yang tidak mengambil berat ke atas aspek kawalan.

### KOPERASI DAN CCB

Selepas krisis syarikat kewangan, timbul pula krisis Koperasi Pengambilan Deposit yang diusahakan oleh kaum Cina, khususnya ahli-ahli MCA. Koperasi ini berjaya mengumpulkan beribu-ribu juta ringgit simpanan daripada ahli mereka dengan menawarkan kadar faedah yang amat tinggi. Tetapi wang ini telah dilaburkan ke dalam projek-projek yang tidak menguntungkan.

Keadaan ini bertambah buruk lagi kerana penyelewengan dan pengurusan yang tidak amanah. Beberapa orang daripada pengarah koperasi ini telahpun dihadapkan ke mahkamah dan dikenakan hukuman sewajarnya.

Selesai sahaja masalah yang dihadapi oleh Koperasi Pengambilan Deposit, timbul pula masalah Bank Kerjasama Pusat atau CCB. CCB adalah sebuah bank untuk *rejects*, di mana mereka yang ditolak permohonan pinjaman oleh institusi kewangan yang kukuh dan stabil, telah menjadikan CCB sebagai tempat terakhir untuk memohon pinjaman.

Walaupun projek-projek tidak berdayamaju, tetapi oleh kerana orang-orang tertentu dalam CCB telah diberikan rasuah maka bank tersebut telah meluluskan permohonan pinjaman tanpa mengira keupayaan membayar balik. Projek-projek yang dibiayai oleh CCB kebanyakannya tidak berdayamaju. Akibatnya CCB telah kerugian lebih \$700 juta dan Kerajaan terpaksa campurtangan untuk memperbaiki keadaan.

Beratus-ratus juta wang rakyat telah digunakan, untuk menyelamatkan bank yang bermasalah. Ini semua disebabkan oleh orang yang curang. Orang ini pula dapat melakukan penyelewengan kerana mereka bekerja dalam suasana yang tidak memberi keutamaan kepada disiplin kewangan. Inilah kemungkaran ekonomi yang berlaku dalam awal tahun 1980-an yang jarang sekali diperkatakan.

Selepas CCB, timbul pula masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat insurans. Banyak syarikat insurans yang beroperasi di negara kita pada hari ini mengalami masalah. Ada juga yang menggunakan syarikat insurans untuk kepentingan politik peribadi. Punca masalah ini adalah sama dengan institusi kewangan yang lain.

Adalah jelas bahawa penyakit stail pengurusan yang "sambil lewa" ini telah merebak dari pengurusan kewangan Kerajaan kepada seluruh sistem bank sehingga melemahkan kedudukan ekonomi negara.

Kerajaan terpaksa menyelamatkan kesemua institusi kewangan ini. Jika tidak, keyakinan terhadap sistem kewangan negara akan terjejas dan runtuhlah sistem ekonomi dan kewangan negara. Benih masalah ini tertanam semenjak awal tahun 1980-an tetapi

penyelesaiannya terserah kepada kepimpinan ekonomi pada masa kini.

Seterusnya kita dapati bahawa budaya atau *culture* peniaga Bumiputera juga dipengaruhi oleh penyakit ini. Oleh kerana inginkan kekayaan terlalu cepat, maka peniaga Bumiputera telah memikirkan projek-projek besar yang di luar kemampuan mereka. Ada yang berlagak, yang telah berbelanja dengan boros menghiasi pejabat, membeli motokar besar, rumah besar dan sebagainya.

Stail pengurusan kewangan yang *relaxed* ini telah turut mempengaruhi pemikiran serta pendekatan peniaga-peniaga Bumiputera, dan mereka juga telah terjerumus ke dalam perangkap yang sama. Mereka cuma melihat bidang perniagaan untuk jangka pendek, bukannya jangka masa panjang. Oleh kerana itulah banyak peniaga Bumiputera yang tidak boleh bertahan lama.

Akhir-akhir ini pula ada yang mahu kaya cepat melalui skim ganda wang. Orang-orang Melayu belum sedar sepenuhnya bahawa untuk mendapat sesuatu itu bukan perkara mudah. Ia perlukan usaha yang gigih, disiplin, ketabahan serta keberanian. Kejayaan tidak datang menggolek. *Alhamdulillah*, pada hari ini, sikap mereka telah mulai berubah secara beransur-ansur.

## PERUBAHAN RADIKAL

Sejak tahun 1984 beberapa perubahan besar telah berlaku dalam pengurusan kewangan negara. Corak pengurusan kewangan berubah dengan radikal. Satu *shock treatment* telah diberikan. Kawalan ketat

dikenakan ke atas perbelanjaan. Undang-undang diperkenalkan bagi memastikan kawalan dikenakan ke atas institusi kewangan. Satu kod etika yang baru diperkenalkan kepada pengarah, pengurusan dan kakitangan institusi kewangan bagi memastikan, antara lain, mereka tidak menyalahgunakan kedudukan untuk kepentingan peribadi.

Oleh kerana perubahan-perubahan ini terlalu mendadak maka ada pihak yang telah mengkritik Kerajaan. Tindakan yang diambil dikatakan terlalu keras. Tetapi harus disedari bahawa penyakit yang dialami adalah serius dan memerlukan penyelesaian radikal. Tanpa tindakan tegas, bukan sahaja sistem kewangan akan terancam, tetapi negara akan hancur.

Walau bagaimanapun harus diingat bahawa undang-undang semata-mata adalah tidak memadai untuk menyekat penyelewengan. Yang penting ialah individu yang bermoral, amanah dan berwibawa.

Seperti perubahan-perubahan radikal yang lain, banyaklah tentangan. Tetapi secara beransur-ansur makin ramai rakyat yang memahami kenapa perubahan radikal perlu dibuat, dan demi masa depan negara, mereka menerimanya.

Rakyat telah mula memahami bahawa tanpa tindakan tegas untuk menyekat stail kepimpinan yang *relax*, masa depan Malaysia adalah gelap. Tindakan tegas dan tidak popular hanya mampu diambil oleh seseorang yang mempunyai wawasan atau *vision* yang luas serta sesuai dengan perkembangan semasa.

# **KEPIMPINAN EKONOMI YANG BARU**

SEJAK tahun 1984 beberapa perubahan besar telah belaku dalam corak pengurusan kewangan negara. Salah satu perubahan yang terpenting ialah kurangnya pertimbangan politik peribadi dalam menguruskan kewangan negara. Ini bukan bermakna pertimbangan politik diketepikan sama sekali. Yang berlaku ialah pengurusan kewangan lebih profesional. Perbelanjaan adalah berdasarkan kepada kemampuan kewangan negara.

## **BELANJA MENGIKUT KEMAMPUAN**

Seperti yang ditegaskan oleh Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan Tahun 1987, kita tidak harus berbelanja melebihi kemampuan sehingga menjejaskan kedudukan kewangan negara. Jika dahulu individu-individu tertentu telah disogokkan dengan kontrak, saham atau kemudahan-kemudahan bank bagi memancing sokongan, sogokan seperti ini tidak lagi diberikan untuk kepentingan politik.

Ini adalah kerana yang mengambalalih kepemimpinan pengurusan ekonomi tidak mempunyai cita-cita besar

dalam politik. Dengan itu tumpuan sepenuhnya dapat diberikan kepada pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan bagi memastikan kedudukan ekonomi negara sentiasa kukuh dan stabil. Populariti dalam politik tidak menjadi pertimbangan utama. Berkebetulan pula negara dilanda kemelesetan ekonomi yang paling teruk pada tahun 1985. Ini memerlukan kepimpinan yang berkelibar. Kita bernasib baik kerana perubahan dibuat dalam kepimpinan ekonomi negara.

Oleh kerana pertimbangan politik tidak diberi keutamaan yang tertinggi, maka beberapa tindakan tegas dan berani dapat dilaksanakan.

Pada pertengahan tahun 1985 ekonomi negara telah dilanda kemelesetan berikutan daripada perkembangan ekonomi dunia yang lembab. Apabila ekonomi meleset, hasil Kerajaan pun turun. Jika pertimbangan politik semata-mata digunakan, perbelanjaan sepatutnya ditambah supaya rakyat tidak marahkan Kerajaan. Tetapi, demi kepentingan masa depan ekonomi negara, perbelanjaan tidak ditambah.

Apabila perbelanjaan dikurangkan, kontrak yang dapat diberikan juga berkurangan. Ramai daripada peniaga Bumiputera yang bergantung kepada kontrak, mengharapkan supaya Kerajaan membantu mereka dengan menambahkan lagi perbelanjaan untuk projek pembangunan.

Oleh kerana kepimpinan ekonomi tidak mengejar populariti, tindakan yang tegas dan berani telah diambil untuk mengurangkan perbelanjaan. Tindakan yang tidak popular ini memerlukan keberanian dan ketegasan.

## PERBELANJAAN DIKURANGKAN

Pada ketika itu peruntukan pembangunan bagi Rancangan Malaysia Ke-5 telah dikurangkan daripada \$74 ribu juta kepada \$37 ribu juta sahaja. Walau bagaimanapun, apabila harga barangan utama seperti minyak, kelapa sawit dan getah naik, peruntukan telah dinaikkan kepada kira-kira \$50 juta. Pengurangan perbelanjaan ini telah menimbulkan banyak masalah terutama kepada kontraktor Bumiputera.

Sebelum ini para kontraktor hidup dalam keadaan lumayan. Banyak yang sudah jadi orang kaya baru. Mereka puji kepimpinan ekonomi ketika itu. Tetapi yang tidak disedari ialah perbelanjaan yang tinggi untuk projek-projek sebenarnya dibiayai melalui pinjaman. Kontraktor mungkin untung buat beberapa ketika, tetapi negara dan rakyat menderita kerana terpaksa menanggung beban hutang. Oleh kerana golongan kontraktor ini terlalu *vocal* atau bersuara lantang, tentangan golongan ini terhadap Kerajaan amat hebat sekali.

Tetapi, adakah patut Kerajaan membantu golongan kecil rakyat sahaja tanpa mengira nasib golongan majoriti dalam negara?

Selain daripada mengurangkan perbelanjaan, kawalan yang lebih ketat telah dikenakan ke atas perbelanjaan. Jika dahulu ada yang boleh berbuat apa sahaja yang mereka suka, pada masa ini perbelanjaan dikawal dengan rapi dan tindakan tegas diambil terhadap mereka yang didapati cuai dan menyeleweng.

Walaupun menghadapi pilihanraya umum pada tahun 1986, Kerajaan tidak memenuhi sepenuhnya



tuntutan kenaikan gaji kakitangan awam, kerana tidak mampu. Elaun-elaun telah dipotong. Ini menimbulkan kemarahan di kalangan pegawai kerajaan. Bukan sahaja elaun pegawai Kerajaan, tetapi elaun yang dinikmati oleh Menteri juga dipotong, selaras dengan prinsip Kepimpinan Melalui Teladan.

Umpamanya, dulu Menteri boleh berbelanja semasa bercuti di luar negeri tanpa had. Sekarang mereka tidak boleh berbuat demikian lagi. Dulu Menteri-menteri diperuntukkan kereta Mercedes 280, tetapi sekarang hanya Mercedes 230.

Kawalan yang lebih ketat juga dikenakan ke atas pengurusan dan Lembaga Pengarah Syarikat Kerajaan. Mereka yang tidak dapat memberi sumbangan telah diminta berhenti. Banyak soalan dibangkitkan sebelum sesuatu dapat dilaksanakan oleh syarikat-syarikat Kerajaan.

## SYARIKAT KERAJAAN

Pada awal tahun 1980-an, syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan seolah-olah diberi *blank cheque*. Tidak ada sebuah badan dalam Kerajaan yang mengawal atau menyelaras kegiatan mereka.

Kementerian Kewangan yang sepatutnya mengawal syarikat-syarikat ini tidak banyak mengambil tahu tentang prestasi syarikat-syarikat ini. Jika syarikat rugi, pengurus-pengurus tidak bimbang. Mereka boleh mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Kerajaan dan permohonan itu akan diluluskan kerana wang ada, walaupun sumbernya datang daripada pinjaman.

Oleh kerana terlalu senang mendapat peruntukan, syarikat-syarikat Kerajaan telah melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan perniagaan, iaitu bidang-bidang yang tidak sepatutnya diceburi. Anak-anak syarikat ditubuhkan dengan banyak sehinggakan tidak boleh dikawal lagi.

Mengikut cerita, ada boss syarikat Kerajaan yang tidak mengetahui bilangan kakitangannya sendiri, oleh kerana bilangan syarikat bertambah dengan pesat, pada awal tahun 1980-an. Sekarang terdapat kira-kira 1,000 syarikat milik Kerajaan. Kebanyakan jikapun tidak semua syarikat ini ditubuhkan sebelum tahun 1984.

Syarikat-syarikat ini kebanyakannya bersaing dengan individu Bumiputera yang menceburi bidang yang sama. Pengurusan syarikat Kerajaan lemah. Tidak ada siapa yang mengambil berat tentang prestasi syarikat.

Apabila ditanya mengenai prestasi syarikat, pengurusan selalunya memberi gambaran yang baik. Tidak ada masalah, dan operasi syarikat menguntungkan, kata mereka. Setengah daripada mereka tidak pernah pun mengemukakan laporan kewangan. Kelemahan diselindungi untuk menyedapkan hati pemimpin.

Mereka yang menguruskan syarikat Kerajaan biasanya tidak mahir dalam pengurusan. Ramai antara mereka telah memberi keutamaan untuk membina empayar atau kata orang Inggeris, *empire building* tanpa menghiraukan kesan ke atas prestasi syarikat. Yang penting ialah gaji dan ganjaran untuk mereka sendiri. Kereta mesti besar, gaji dan elaun juga mesti besar.

Akibatnya barang-barang dan perkhidmatan dikeluarkan dengan kos yang tinggi menyebabkan syarikat-syarikat ini tidak dapat bersaing dengan syarikat swasta. Sama ada syarikat untung atau rugi, tidak diambilkira. Mereka menganggap ini tidak penting kerana Kerajaan sedia membantu.

Keadaan ini berlaku kerana kepimpinan ekonomi yang *relax* yang tidak memberi perhatian sewajarnya kepada prestasi syarikat. Akibatnya banyak yang merugian dan akhirnya rakyat yang terpaksa menanggung beban.

## KAWALAN DIKENAKAN

Oleh kerana syarikat-syarikat ini telah bergiat tanpa kawalan maka apabila kawalan dan sekatan dikenakan, mereka melenting. Kelayakan menggunakan kereta, cuti dan lain-lain faedah diawasi dan diselaraskan. Sebuah unit khas ditubuhkan di Kementerian Kewangan pada tahun 1985 untuk mengawasi kesemua syarikat Kerajaan. Buat pertama kali Kerajaan mendapat gambaran sebenar dan menyeluruh mengenai kegiatan syarikat-syarikat ini.

Walaupun terlambat, ianya lebih baik daripada tiada kawalan sama sekali. Sekurang-kurangnya pembaziran wang rakyat dapat dikurangkan.

Oleh kerana itu ada yang mendakwa bahawa Kerajaan tidak berlaku adil. Mereka marah kepada Kerajaan. Mereka bertanya, kenapa dahulu mereka boleh berbuat apa sahaja yang mereka suka, tetapi sekarang ini kawalan dikenakan ke atas kegiatan-kegiatan mereka.

Dahulu mereka boleh bayar bonus kepada kakitangan walaupun syarikat mengalami kerugian. Mereka juga boleh memberi kenaikan gaji walaupun syarikat rugi. Tetapi sejak kepimpinan baru, semua cadangan kenaikan gaji dan bayaran bonus perlu dirujuk kepada Kerajaan terlebih dahulu.

Mereka hairan kenapa Kerajaan campurtangan dalam urusan syarikat, yang mengikut mereka sepatutnya berfungsi bebas daripada mana-mana pihak. Tetapi, mereka lupa bahawa sebagai pemegang saham dalam syarikat-syarikat ini adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan mengawasi kegiatan mereka. Saham ini datang dari wang rakyat.

Mereka ini seolah-olah tidak sedar bahawa syarikat yang diuruskan adalah kepunyaan rakyat dan bukan kepunyaan mereka sendiri ataupun ibu bapa mereka.

Ini adalah salah satu punca kemarahan beberapa pihak tertentu kepada Kerajaan. Tetapi bagi kepimpinan baru, yang dicari bukannya populariti. Yang penting ialah untuk menukar budaya pengurusan kewangan daripada satu budaya yang *relax* tanpa kawalan, kepada budaya yang memberi perhatian terhadap kawalan dan *accountability* kerana kesedaran bahawa wang yang dibelanjakan itu dikutip daripada rakyat.

Dengan mengetatkan kawalan dan mengurangkan pembaziran, kepimpinan ekonomi baru hanya melaksanakan amanah rakyat.

## HUTANG KURANG

Apabila perbelanjaan dikurangkan, maka hutang pun boleh dikurangkan. Pada awal tahun 1980-an, hutang

luar negara telah bertambah dengan banyaknya. Dari tahun 1980 hingga 1984, Kerajaan Persekutuan meminjam kira-kira \$3,900 juta tiap-tiap tahun. Tetapi selepas itu Kerajaan tidak lagi berhutang, sebaliknya Kerajaan membayar balik lebih awal hutang yang diambil sebelum tahun 1984.

Ini dapat dilihat daripada Jadual IV di sebelah, di mana bayaran balik jauh melebihi pinjaman dari tahun 1988 hingga tahun 1990.

**Jadual IV**  
**Hutang Luar Negara Kerajaan Persekutuan 1985 - 1990**

Tahun	Jumlah Pinjaman
1985	956
1986	1348
1987	-2438
1988	-3095
1989	-1016
1990	-743

(Tanda tolak (-) bermakna bayaran balik melebihi pinjaman)

Mulai tahun 1987 sehingga sekarang, Kerajaan Persekutuan telah membayar balik dengan banyak sekali hutang luar negara lebih awal daripada yang dijadualkan, iaitu berjumlah kira-kira \$9.5 ribu juta. Tidak ada negara membangun lain di dunia membayar hutang lebih awal daripada yang dijadualkan. Sebaliknya banyak daripada negara-negara ini tidak membayar hutang dan mendesak bank atau negara yang memberi pinjaman supaya menghapuskan pinjaman mereka.

Benar, jumlah hutang luar negara kita besar, tetapi hutang-hutang ini kebanyakannya diambil pada awal

tahun 1980-an. Statistik mengenai perkara ini adalah jelas dan tiada siapa yang boleh memutarbelitkan kenyataan atau menafikannya.

Selain daripada itu, kepimpinan baru juga telah berjaya memperluaskan asas kutipan hasil Kerajaan. Kalau dahulu banyak tauke besar yang dibiarkan begitu sahaja tanpa membayar cukai, pada masa ini Kerajaan lebih rapi meneliti pendapatan tauke-tauke ini. Dahulu, ada di antara mereka yang kaya raya, tetapi tidak pernah membayar cukai pendapatan. Mereka berani berbuat demikian kerana pada masa itu tidak ada siapa yang menyiasat pendapatan mereka.

Ada jutawan yang membayar cukai beberapa ratus ringgit sahaja setahun. Ini jelas tidak adil. Orang makan gaji, terutama sekali pegawai Kerajaan, kena lapor setiap sen ke Jabatan Hasil Dalam Negeri. Untuk berlaku adil kepada semua dan memastikan mereka yang melanggar undang-undang itu dibawa ke muka pengadilan, tindakan tegas diambil.

Oleh kerana itulah pada hari ini, iaitu di bawah kepimpinan baru, banyak tauke besar telahpun membayar cukai. Demi keadilan, setiap orang yang kena bayar cukai hendaklah memenuhi tanggungjawab mereka.

Ini memerlukan kepimpinan yang berani dan tegas. Jika amaran diberikan kepada tauke-tauke ini dan tindakan tegas diambil, mereka sudah pasti akan membayar cukai. Inilah yang dibuat sekarang. Barulah adil. Kalau dulu kakitangan Kerajaan saja yang bayar cukai, sekarang orang berniaga sudah mula membayar cukai.

## PEMBAHARUAN DALAM PENGURUSAN

Banyak lagi pembaharuan yang dibuat dalam pengurusan kewangan negara. Ada antaranya yang memberi kesan secara langsung ke atas ekonomi negara. Ada juga dasar-dasar yang dilaksanakan yang mempunyai kesan tidak langsung atau *indirect*. Umpamanya, dasar penerapan nilai-nilai Islam telah berjaya menanamkan sifat amanah dan tanggungjawab. Ini sedikit sebanyak telah memberi kesan ke atas mutu pengurusan dalam sektor awam dan swasta.

Pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur telah meninggalkan banyak kesan positif. Pada hari ini pemimpin menyeru rakyat Malaysia khususnya orang Melayu supaya bekerja dengan lebih gigih untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Dahulu pemimpin-pemimpin sendiri pun *relax*.

Kepimpinan *relax* yang diamalkan oleh mereka itu telah melemahkan pengurusan sehingga mewujudkan sektor awam dan swasta yang kurang cekap dan tidak sesuai untuk menghadapi cabaran di masa hadapan. Tetapi sejak melaksanakan Dasar Pandang Ke Timur, pemimpin-pemimpin hari ini menekankan betapa perlunya usaha gigih untuk menjamin orang Melayu tidak ketinggalan.

Pada masa ini kita dapati prestasi sektor awam dan swasta telah meningkat. Jika dilihat kepada Jabatan Kerajaan, kita dapati kakitangan lebih tekun menjalankan tugas. Umpamanya perkhidmatan kaunter sekarang ini, jauh lebih baik dari masa dahulu. Masa yang diambil untuk membayar lesen atau membaharui cukai jalan lebih singkat.

Dekad 1980-an telah membawa banyak perubahan kepada negara dan rakyatnya. Antara perubahan-perubahan ketara ialah dari segi disiplin pekerja, sama ada dalam Kerajaan atau sektor swasta. Kedatangan ke tempat kerja tepat pada waktu serta peningkatan produktiviti dan kecekapan adalah antara sikap-sikap baru yang telah muncul daripada kepimpinan melalui teladan. Kita telah mempraktikkan idea-idea yang diamalkan oleh negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan yang telah muncul sebagai gergasi ekonomi pada hari ini.


Dalam setiap aspek kehidupan kita, telah wujud kesedaran untuk mencapai kecemerlangan, sama ada di Jabatan-jabatan Kerajaan yang menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai, atau kilang-kilang yang mengeluarkan barang untuk pasaran tempatan dan eksport.

Budaya kerja yang positif telah dapat disebarikan kepada pelbagai sektor dalam ekonomi negara. Pucuk pimpinan ekonomi masa dulu tidak memikirkan semua ini. Jika mereka terus berada dalam Kerajaan, pendirian dan corak perjuangan mereka akan memastikan orang Melayu akan terus hidup dalam kesempitan. Yang difikirkan oleh mereka ialah bagaimana mereka boleh menambahkan populariti, bukannya cara-cara bagaimana hendak menjadikan negara Malaysia lebih maju dan berjaya supaya kita menjadi satu bangsa yang disegani.

## PENSWASTAAN

Satu lagi dasar yang mempunyai kesan ke atas pengurusan kewangan ialah penswastaan. Dasar ini





Sekarang Lembaga Letrik Negara telah menjadi Tenaga Nasional. Melalui penswastaan, syarikat lebih cekap, pekerja akan menikmati gaji yang lebih tinggi dan mungkin bayaran bonus, seperti yang dinikmati oleh pekerja di beberapa buah syarikat Kerajaan yang telah diswastakan.

pada mulanya ditentang oleh pegawai-pegawai Kerajaan kerana mereka bimbang pekerjaan akan hilang. Tetapi nyatalah sekarang bahawa kebimbangan ini tidak berasas. Tidak ada pekerja yang dibuang.

Yang berlaku ialah agensi-agensi seperti Pelabuhan Kelang, Syarikat Telekom Malaysia semakin cekap dan berkesan. Pekerja dibayar bonus dan gaji lebih tinggi. Kadar keuntungannya meningkat dan prestasi pengurusannya bertambah baik. Pada tahun 1988 Syarikat Telekom Malaysia mencapai keuntungan \$180 juta berbanding dengan \$5 juta pada tahun sebelumnya. Keuntungan terakhir ialah lebih \$360 juta. Kalau dahulu masa diambil untuk memasang telefon berminggu-minggu atau kadang-kadang berbulan-bulan, sekarang ia dapat dilaksanakan dalam beberapa jam sahaja. Ini faedahnya penswastaaan.

Jika keuntungan naik, cukai yang dikutip oleh Kerajaan pun meningkat dan rakyat akan dapat menikmati lebih banyak pembangunan. Penswastaaan telah menjadikan pengurusan agensi-agensi yang diswastakan lebih cekap dan menguntungkan.

Pembaharuan dalam pengurusan kewangan adalah penting bagi menentukan kejayaan negara ini di masa hadapan. Pembaharuan-pembaharuan ini diperkenalkan oleh kepimpinan ekonomi yang baru bagi memperbaiki kepincangan sebelumnya. Mereka melakukan semua ini untuk faedah jangka masa panjang. Matlamatnya ialah untuk menaikkan taraf hidup rakyat Malaysia khususnya orang Melayu supaya mereka dapat bersaing secara lebih berkesan dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Pemimpin-pemimpin hari ini sedar bahawa orang Melayu tidak boleh terus menerus bergantung kepada Kerajaan. Tindakan mengurangkan bantuan tidak popular, tetapi penting diambil demi menjamin ketahanan orang Melayu dalam jangka masa panjang.

Untuk memastikan kejayaan orang Melayu dalam pelbagai bidang, pembaharuan yang telah dilaksanakan sehingga ini perlu diperhebatkan lagi. Kepimpinan ekonomi tidak harus dikembalikan kepada orang yang menguruskannya sebelum ini, kerana mereka tidak mampu membawa rakyat Malaysia dan orang Melayu ke tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.

## PEMULIHAN EKONOMI

SEJAK pemilihan pucuk pimpinan UMNO bulan April 1987 sehingga sekarang, beberapa isu telah dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu untuk menjatuhkan pucuk pimpinan dan melemahkan ekonomi negara.

Sebenarnya perkara yang dibangkitkan itu adalah isu biasa yang tidak pernah dibangkitkan oleh mereka semasa menganggotai Kerajaan. Apabila keluar daripada Kerajaan, barulah golongan ini berkokok. Mereka tiba-tiba menjadi pandai. Itu dan ini tak betul. Semasa dalam Kerajaan dahulu, mereka tidak berbuat apa-apa pun, sebaliknya menyokong kesemua dasar Kerajaan.

Dua perkara utama yang masih dibangkitkan pada masa ini ialah mengenai stail kepimpinan dalam UMNO dan isu-isu ekonomi. Pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir telah dikritik. Dr. Mahathir dikatakan diketator dan mengamalkan pemerintahan kuku besi serta tidak menghiraukan pendapat orang lain apabila membuat keputusan.

Semua pemimpin negara, kecuali mereka sendiri, dikatakan rasuah. Stail kepimpinan Dr. Mahathir juga

dikatakan telah menyebabkan kemarahan masyarakat antarabangsa. Suara lantang Dr. Mahathir di forum-forum antarabangsa, mengikut golongan ini, telah menyebabkan kejatuhan harga barangan utama Malaysia. Macam-macam kritikan dilemparkan.

## KEMELESETAN

Selain daripada soal-soal kepimpinan, satu lagi isu yang hangat dibincangkan ialah dasar ekonomi dan kewangan. Kononnya, terdapat kemungkaran ekonomi sehingga menyebabkan ekonomi merosot dengan teruk. Pengurusan ekonomi dikatakan lemah, dan mengikut golongan ini, kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1985 disebabkan oleh pucuk pimpinan.

Mereka sengaja lupa bahawa seluruh dunia mengalami kemelesetan ekonomi ketika itu. Mereka sengaja tidak menyebut bahawa Singapura, iaitu sebuah negara yang kukuh ekonominya juga menghadapi kemelesetan.

Dari cara mereka menghentam Kerajaan, seolah-olah Malaysia sahaja yang mengalami kemelesetan. Peniaga yang tidak mendapat pinjaman bank atau diminta oleh bank membayar baik hutang dipersalahkan kepada pucuk pimpinan. Begitu juga prestasi kontraktor-kontraktor Bumiputera dipersalahkan kepada pucuk pimpinan.

Pada ketika itu, golongan ini menyatakan bahawa sekiranya mereka diberi kesempatan untuk memimpin negara, dalam masa 6 bulan sahaja ekonomi negara akan pulih dan masyarakat Malaysia akan dapat menikmati taraf hidup yang lebih tinggi serta dapat

hidup senang lenang. Begitu hebat kemarahan mereka terhadap pucuk pimpinan sehingga sanggup memutarbelitkan kenyataan dan menaburkan janji-janji palsu. Tuduhan dan janji ini dibuat kerana nafsu ingin sangat berkuasa.

Dalam sebuah negara yang berbilang bangsa di mana orang Melayu merupakan kumpulan daif, kita memerlukan pucuk pimpinan yang tegas dalam melaksanakan tanggungjawab membela nasib bangsa Melayu dan orang-orang miskin. Jika pucuk pimpinan lemah maka gelaplah masa depan orang Melayu. Pada masa yang sama pemimpin Melayu perlu sensitif kepada keperluan bangsa lain untuk menyertai dalam pembangunan negara.

Salah satu tuduhan terhadap pucuk pimpinan ialah pengurusan ekonomi yang dikatakan lemah. Mereka ini sebenarnya, kalau boleh tidak mahu melihat ekonomi negara pulih. Jika ekonomi negara pulih, peluang mereka untuk mengkritik akan kurang.

Oleh itu, mereka menyebarkan pelbagai dakyah bagi menakutkan pelabur dan rakyat Malaysia, mencemarkan nama negara di luar negeri, di Hong Kong, London, New York, Geneva dan lain-lain tempat. Tetapi usaha mereka jelas tidak berjaya. Ekonomi negara telah pulih dengan kukuh sejak tahun 1987. Pada tahun 1988 pertumbuhan ekonomi telah meningkat kepada 8.7 peratus, iaitu kadar yang paling tinggi tercatat dalam dekad 1980-an (sila lihat **Jadual V**).

Pada tahun 1987, kumpulan-kumpulan tertentu mendakwa mereka sahaja yang mampu memulihkan ekonomi negara. Hakikatnya ialah ekonomi negara telah pulih dengan pesat tanpa sebarang perubahan

**Jadual V**  
**Pertumbuhan Ekonomi Malaysia 1985 - 1990**

Tahun	Pertumbuhan (%)
1985	-1.0
1986	1.2
1987	5.2
1988	8.7
1989	8.6
1990 (anggaran)	9.0

dalam pucuk pimpinan. Pucuk pimpinan ekonomi masih lagi dipegang oleh orang yang sama tetapi ekonomi pulih dengan pesat.

Cabaran utama yang dihadapi oleh negara dalam pertengahan dekad 1980-an ialah kemelesetan ekonomi. Kemelesetan yang paling serius dialami oleh negara sekaligus telah memberi peluang dan ruang kepada pihak-pihak tertentu untuk mengecam hebat pucuk pimpinan negara dan dasar-dasar Kerajaan. Media antarabangsa juga memberikan gambaran yang pesimis. Umpamanya, *Far Eastern Economic Review*, keluaran 11 Ogos 1986, menyebut bahawa Malaysia mungkin menjadi *the next Mexico*.

### PEMULIHAN EKONOMI

Tetapi Kerajaan telah berjaya mengatasi cabaran ini. Ekonomi negara telah pulih dan kini sudah pun di letakkan atas asas yang amat kukuh bagi mencapai kemajuan yang lebih pesat di masa hadapan. Pemulihan ekonomi adalah disebabkan antara lain oleh faktor-faktor berikut:

- (i) tindakan tegas oleh Kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan dan mengetatkan disiplin kewangan;
- (ii) peranan penting yang diberikan kepada sektor swasta untuk mengembangkan ekonomi negara;
- (iii) galakan yang diberikan kepada pelaburan asing;
- (iv) menggalakkan budaya kerja cemerlang di sektor awam dan swasta yang menjadikan pekerja lebih cekap;
- (v) terus menumpukan perhatian terhadap pembinaan infrastruktur di bandar dan luar bandar; dan
- (vi) pemulihan ekonomi dunia.

Tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan bagi mengukuhkan kedudukan ekonomi dan kewangan telah pun dibicarakan dalam bab sebelum ini. Bab ini akan membicarakan tindakan-tindakan lain yang diambil bagi memantapkan pertumbuhan ekonomi, serta kesannya ke atas ekonomi negara.

## PERANAN SEKTOR SWASTA

Peranan penting yang diberikan kepada sektor swasta bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi adalah satu-satunya perubahan dasar yang radikal yang diambil oleh Kerajaan. Dalam dekad 1970-an dan awal dekad 1980-an, tumpuan diberikan kepada peranan sektor awam. Jika pertumbuhan ekonomi lembap, sektor awamlah yang diberikan peranan utama menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Ini dibuat dengan



menambahkan perbelanjaan dan menceburi bidang-bidang perniagaan. Akibatnya sektor awam menjadi amat besar.

Keadaan ini tidak dapat dibiarkan berterusan kerana sumber kewangan Kerajaan adalah terhad. Perbelanjaan tidak boleh dinaikkan secara berterusan, kecuali cukai dinaikkan atau dengan meminjam.

Oleh itu strategi baru perlu digubal bagi memantapkan pertumbuhan ekonomi. Strategi memberi peranan utama kepada sektor swasta bermula dengan pengenalan konsep Persyarikatan Malaysia pada akhir tahun 1981. Di bawah konsep ini sektor awam dan sektor swasta digalakkan untuk berganding bahu demi mencapai matlamat bersama negara, iaitu memberi kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat.

Walaupun prestasi pelaksanaan konsep ini belum lagi memuaskan, tidak dapat dinafikan ia telah membawa perubahan besar dalam cara rakyat Malaysia berfikir dan bertindak.

Jika dahulu pegawai sektor awam menganggap sektor swasta sebagai "musuh" mereka dan kurang memberi kerjasama kepada permohonan atau keperluan sektor swasta, kini perubahan sikap telah berlaku. Kesedaran mula timbul bahawa kejayaan sektor swasta adalah kejayaan negara yang akan dinikmati oleh semua rakyat. Jika sektor swasta dapat berkembang pesat dan mencapai keuntungan, kutipan hasil akan meningkat, yang seterusnya akan membolehkan Kerajaan melaksanakan lebih banyak projek pembangunan.

Pengenalan konsep Pensyarikatan Malaysia pada tahun 1981 telah memudahkan usaha Kerajaan apabila

ia mengambil keputusan memberi peranan kepada sektor swasta untuk menjadi penggerak utama kepada pembangunan ekonomi negara. Sektor swasta lebih dinamik dan tidak terkongkong dengan peraturan-peraturan dalam mengejar matlamatnya.

Dorongan utama sektor swasta ialah untuk mencapai keuntungan dan jika peluang untuk mencapai keuntungan adalah baik, mereka akan berusaha meningkatkan pengeluaran.

### NEGARA AMAN KERAJAAN KUAT

Tetapi sektor swasta hanya dapat berkembang dalam suasana yang aman tenteram. Jika negara huru-hara, keyakinan di kalangan pelabur asing dan pelabur dalam negeri akan terjejas. Pelabur tidak akan melabur jika pelaburannya tidak selamat. Pelaburan tidak merasa selamat jika kilang mereka selalu diganggu ataupun jika Kerajaan melalui anggota keselamatannya tidak dapat mengawal ketenteraman awam. Keyakinan ini amat penting kerana sekurang-kurangnya 2 atau 3 tahun di perlukan sebelum sesuatu pelaburan itu mendapat untung.

Kestabilan akan terjamin hanya sekiranya kita mempunyai Kerajaan yang kuat. Sebuah Kerajaan yang kuat dapat diwujudkan jika ia mempunyai sokongan padu daripada rakyat. Seperti kita sedia maklum, Kerajaan kita mempunyai majoriti 2/3 dalam Parlimen sejak kita mencapai kemerdekaan. Majoriti yang besar inilah yang membolehkan Kerajaan melaksanakan dasar-dasarnya dengan licin dan berkesan.

Ringkasnya, sektor swasta telah dapat berkembang dengan pesat di negara ini, kerana kita mempunyai

sebuah Kerajaan yang kuat dan stabil yang memberi keyakinan kepada pelabur, baik pelabur dalam negeri mahupun pelabur asing.

Sektor swasta juga telah dapat berkembang dengan pesat kerana jentera pentadbiran Kerajaan yang cekap dan berkesan. Slogan Bersih, Cekap dan Amanah yang diperkenalkan dalam pentadbiran awam telah berjaya menjadikan pentadbiran awam di negara kita dihormati dan disegani.

Dasar-dasar Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan membantu perkembangan sektor swasta telah dapat dilaksanakan dengan jayanya kerana kita mempunyai sebuah pentadbiran yang dedikasi dan berwibawa. Sebuah pentadbiran yang cekap akan memberi keyakinan kepada sektor swasta bahawa apabila berurusan dengan Kerajaan, permohonan mereka akan diproses dengan cepat dan adil. Ini semua adalah hasil perbaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan oleh pucuk pimpinan.

## PELABURAN MENINGKAT

Pada tahun 1985 dan 1986 kepimpinan MCA telah dilanda krisis yang menjejaskan kestabilan negara. Pada tahun 1987 pula, pertandingan sengit berlaku untuk merebut pucuk pimpinan UMNO. Tetapi sejak tahun 1988 negara semakin stabil. Apabila rakyat menunjukkan sokongan yang lebih kepada Kerajaan, keyakinan pelabur semakin meningkat. Pada hari ini pelabur semakin yakin dengan kestabilan politik Malaysia serta masa depan ekonominya.

Kerajaan juga banyak melonggarkan syarat dan peraturan bagi menggalakkan pelaburan. Sebelum



Kepimpinan yang tegas serta pekerja yang disiplin dan dedikasi telah menyumbang terhadap pembangunan ekonomi yang pesat.

tahun 1987, setiap pelaburan melebihi \$250,000 memerlukan kelulusan Kerajaan di bawah Akta Penyelarasan Pelaburan. Ini telah menimbulkan banyak masalah kepada pelabur di samping melambatkan proses pelaburan.

Pada tahun 1987, had ini telah dinaikkan kepada \$2.5 juta. Selain daripada itu, galakan cukai yang menarik diberikan kepada pelabur. Kepada pelabur asing kerajaan melonggarkan syarat ekuiti di mana pelaburan yang dibuat sebelum tahun 1990 dan keluarannya dieksport sekurang-kurangnya 80 peratus, boleh dimiliki 100 peratus oleh pelabur asing.

Berikutan langkah-langkah ini, serta pemulihan ekonomi Malaysia, pelaburan telah meningkat dengan banyaknya. Usaha gigih yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah berjaya membawa masuk banyak pelaburan asing. Kemasukan pelaburan asing yang dialami sekarang belum pernah lagi dialami oleh negara kita sebelum ini.

Seperti yang dapat dilihat dalam **Jadual VI**, pelaburan asing telah meningkat dengan banyak sejak tahun 1985. Pada tahun 1989 ia berjumlah lebih \$8.6 ribu juta dan dalam tempoh 7 bulan, iaitu dari Januari hingga Julai 1990, pelaburan asing berjumlah \$11.6 ribu juta. Ini bermakna untuk tempoh tujuh bulan tahun ini, ianya 3.5% melebihi pelaburan sepanjang tahun 1989. Kejayaan ini amat membanggakan dan berpunca daripada keyakinan pelabur terhadap masa depan negara.

Pertumbuhan dalam pelaburan membawa banyak faedah bagi Malaysia. Ia telah menambahkan pendapatan rakyat. Peluang-peluang pekerjaan telah

**Jadual VI**  
**Jumlah Pelaburan Asing Yang Diluluskan**

Tahun	Pelaburan (\$ juta)
1985	959.4
1986	1,587.9
1987	2,060.0
1988	4,878.0
1989	8,652.8
Januari - Julai 1990	11,613.6

bertambah dan kini kadar pengangguran telah turun kepada 6.5 peratus. Satu masa dahulu kadar pengangguran di negara kita hampir 9 peratus dan amat membimbangkan. Dengan perkembangan pesat sektor perkilangan, banyak peluang pekerjaan telah diwujudkan untuk belia kita. Seperti yang dapat dilihat dari **Jadual VII**, tahun 1989 sahaja sebanyak 167,424 peluang pekerjaan telah diwujudkan di sektor perindustrian.

**Jadual VII**  
**Bilangan Pekerjaan Yang Diwujudkan  
Oleh Pelaburan Yang Diluluskan**

Tahun	Bilangan Pekerjaan
1985	53,597
1986	40,230
1987	59,779
1988	136,641
1989	167,424
1990 (Januari - Julai)	125,360

Sesebuah Kerajaan yang tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada warganegaranya akan tergugat kedudukannya. Dalam hal ini kita bersyukur kerana Kerajaan kita telah melaksanakan tanggungjawab menyediakan pekerjaan untuk rakyatnya dengan jaya.

Peningkatan dalam peluang pekerjaan telah diiringi oleh peningkatan dalam daya pengeluaran. Kerajaan setiap masa menggesa pekerja untuk menghasilkan keluaran yang bermutu dan meningkatkan produktiviti atau daya pengeluaran. Dalam hubungan ini, pelaksanaan dasar Pandang ke Timur telah banyak memberi faedah kepada negara. Dengan pelaksanaan dasar ini, satu budaya kerja yang baru telah diterapkan ke dalam masyarakat pekerja.

*Quality Control Circle* atau QCC dan kesetiaan kepada organisasi dan majikan adalah di antara idea-idea baru yang diimport dari Jepun dan Korea Selatan. Inilah yang telah menjadikan Jepun sebagai salah sebuah negara yang terkaya di dunia. Kita berazam untuk menjadi sebuah negara industri yang maju, setanding dengan negara-negara lain. Pucuk pimpinan kita telah meletakkan asas yang kukuh untuk mencapai matlamat ini. Kita perlukan titik permulaan dalam menjayakan sesuatu usaha murni. Tanpa titik permulaan ini, negara kita tidak akan berada di tahapnya sekarang.

Kemajuan yang dicapai oleh negara kita telah menakjubkan banyak negara membangun yang lain. Dulu tidak banyak negara yang mengenali kita. Tetapi oleh kerana kejayaan kita serta peranan pucuk pimpinan memperkenalkan negara di arena

antarabangsa, nama negara kita kini semakin harum. Banyak negara yang ingin mempelajari daripada kejayaan kita.

Pada bulan September 1990, satu rombongan seramai 80 orang dari Nigeria yang disertai oleh beberapa orang Menteri telah melawat Malaysia bagi mempelajari kejayaan kita. Ini adalah di antara rombongan dari luar negeri yang tidak putus-putus datang bagi berkongsi pengalaman dengan kita. Kejayaan kita diiktiraf oleh dunia, tetapi malangnya ada pihak di negara kita yang menikmati kejayaan ini, masih cuba menafikannya.

## PERTANIAN DAN PELANCUNGAN

Selain daripada kejayaan di bidang perindustrian, kejayaan kita di bidang pertanian juga tidak kurang pentingnya. Hasil penyelidikan oleh institut-institut seperti MARDI, kita telah mencapai banyak kejayaan dalam memperkenalkan tanaman baru, meningkatkan daya pengeluaran di sektor pertanian, memodenkan lagi sektor ini serta mengubah pemikiran nelayan, petani dan pekebun kecil.

Sektor pertanian dan perikanan sedang digerakkan untuk menjadi lebih moden dan komersial, supaya satu hari nanti rakyat kita yang terlibat dalam sektor ini akan menikmati pendapatan lebih tinggi dan bangga dengan kerjaya mereka. *Insyaa Allah*, kita akan mencapai matlamat ini.

Di sektor pelancongan, kejayaan kita amat membanggakan. Semasa kempen Tahun Melawat Malaysia dilancarkan, ada pihak yang kurang yakin dengan kemampuan kita. Angka-angka terakhir menunjukkan



bahawa dari Januari hingga Ogos 1990, seramai 4.7 juta rakyat asing telah pun melawat Malaysia, berbanding dengan matlamat seramai 4.2 juta bagi sepanjang tahun 1990. Tahun ini, lebih \$3.0 ribu juta akan diperolehi oleh negara daripada sektor pelancongan.

Kejayaan ini amat membanggakan. Dengan menarik begitu ramai pelancong, kita telah berjaya mewujudkan banyak peluang pekerjaan di seluruh negara. Ramai rakyat kita yang bergantung hidup kepada sektor pelancongan. Industri pelancongan sedang berkembang pesat di seluruh dunia dan kita patut memberi galakan kepada sektor ini untuk terus berkembang, supaya rakyat mendapat faedah darinya.

## PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Kerajaan hari ini memberi banyak penekanan terhadap pembangunan luar bandar. Peruntukan-peruntukan yang disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Pertanian, Kementerian Pendidikan dan beberapa Kementerian lagi kebanyakannya adalah untuk luar bandar.

Dari segi keseluruhan Belanjawan, 2/3 daripada jumlah perbelanjaan pembangunan tiap-tiap tahun, sejak tahun 1987 adalah untuk pembangunan luar bandar. Selain daripada itu, pada tahun 1988, 1989 dan 1990, peruntukan untuk bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan jalan luar bandar telah ditambah sebanyak \$1200 juta atau \$400 juta tiap-tiap tahun. Ini semua menunjukkan komitmen

Kerajaan bagi meninggikan taraf hidup rakyat dan memastikan rakyat di luar bandar tidak tertinggal oleh arus pembangunan.


Sebenarnya Kerajaan yang ada pada hari ini memberi banyak penekanan kepada pembangunan luar bandar. Tetapi pihak-pihak tertentu bercakap seolah-olah Kerajaan hanya membelanjakan peruntukannya untuk industri berat sahaja. Perbelanjaan untuk industri berat adalah sebahagian kecil sahaja daripada jumlah perbelanjaan.

Dekad 1980-an juga telah melihat pelaksanaan beberapa program baru bagi memperkukuhkan kedudukan ekonomi dan memastikan setiap golongan rakyat menikmati kemajuan yang dialami oleh negara. Selain daripada pembangunan luar bandar, program-program yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) peruntukan sebanyak \$392 juta untuk membantu penduduk termiskin di bawah program Pembangunan Rakyat Termiskin; dan
- (ii) peruntukan bagi membantu usahawan Bumi-putera dan peniaga kecil termasuk penjaja.

## **BANTUAN UNTUK PENDUDUK TERMISKIN**

Menyedari bahawa kemiskinan masih merupakan satu masalah di negara kita, Kerajaan telah melancarkan skim untuk membantu penduduk termiskin. Sebenarnya kadar kemiskinan di negara kita telah berkurangan dengan banyak sejak tahun 1970.



Penjaja dan peniaga kecil memainkan peranan besar dalam ekonomi negara. Sebanyak \$120 juta diperuntukkan untuk memberi pinjaman kepada mereka.

Apabila Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, kira-kira 49.3 peratus daripada rakyat Malaysia hidup di bawah paras kemiskinan. Ini adalah suatu angka yang tinggi. Walau bagaimanapun, berikutan dasar-dasar Kerajaan bagi membasmi kemiskinan dan kadar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan, kadar kemiskinan telah turun kepada paras kurang daripada 17.3%. Ini adalah kemajuan yang amat membanggakan yang tidak dicapai oleh negara lain di dunia. Namun begitu, masih ada lagi rakyat yang miskin.

Pelaksanaan program membasmi kemiskinan hanya dapat difikirkan oleh pemimpin yang ber-damping rapat dengan rakyat, yang tahu masalah orang kampung. Dasar seperti ini sudah pasti tidak dapat dicetuskan oleh seorang bangsawan yang kehidupannya terpisah daripada rakyat kebanyakan di kampung. Kita bertuah kerana mempunyai pemimpin-pemimpin yang peka terhadap keperluan rakyat. Pemimpin diangkat oleh rakyat dan sudah sewajarnya rakyat termiskin dibantu.

Bantuan untuk keluarga termiskin adalah bagi mereka yang berpendapatan kurang \$175.00 sebulan bagi satu keluarga. Di antara komponen program ini ialah pemulihan rumah, bantuan input pertanian, bantuan untuk makanan tambahan, program menambahkan zat makanan kanak-kanak dan bantuan untuk orang-orang tua. Selain daripada bantuan untuk penduduk termiskin, Kerajaan juga menyediakan subsidi untuk meringankan beban perbelanjaan penduduk termiskin. Subsidi ini adalah untuk perkara-perkara berikut:

- (i) subsidi harga padi;
- (ii) subsidi input pertanian; dan



Kerajaan banyak membantu penanam padi. Tahun ini kira-kira \$379 juta akan dibelanjakan untuk subsidi harga padi dan subsidi baja. Nasib mereka dibela oleh Kerajaan yang peka terhadap kesusahan rakyat.

(iii) subsidi buku teks.

Pada tahun 1990 Kerajaan membelanjakan \$469.7 juta untuk tujuan ini. Jenis-jenis subsidi adalah seperti dalam jadual berikut:

**Jadual VIII**  
**Subsidi Yang Di berikan Oleh Kerajaan Kepada**  
**Penduduk Miskin Pada Tahun 1990**

Subsidi	Jumlah
Subsidi Harga Padi	\$295.8 juta
Subsidi Baja Padi	\$ 83.7 juta
Input Pertanian	\$ 27.2 juta
Buku Teks	\$ 63.0 juta
Jumlah	\$ 469.7 juta

Pendek kata, Kerajaan memberi perhatian berat kepada penduduk miskin dalam negara kita. Baru-baru ini, subsidi padi dinaikkan sebanyak \$5.00 satu pikul. Pada tahun ini, adalah dianggarkan sebanyak \$379.5 juta akan dibelanjakan oleh Kerajaan untuk subsidi kepada penanam padi di seluruh negara, iaitu \$295.8 juta untuk subsidi harga padi dan \$83.7 juta untuk subsidi baja padi. Ini adalah satu jumlah yang besar.

Untuk membantu ahli-ahli perniagaan yang menghadapi masalah akibat kemelesetan ekonomi, satu Tabung Pemulihan Usahawan dengan peruntukan \$500 juta telah ditubuhkan oleh Kerajaan. Sehingga ini lebih \$200 juta pinjaman telah diluluskan di bawah Tabung ini. Bagi penjaja dan peniaga kecil sebanyak \$120 juta diperuntukkan untuk pinjaman

yang tidak melebihi \$5,000.00. Jumlah peruntukan yang besar menunjukkan Kerajaan menghargai peranan besar yang dimainkan oleh golongan peniaga dan penjaja kecil dalam pembangunan negara.

Setiap golongan rakyat mendapat faedah daripada usaha-usaha Kerajaan untuk menaikkan taraf hidup penduduk negara ini. Kerajaan boleh buat ini semua kerana ekonomi negara berkembang dengan pesat. Apabila ekonomi negara berkembang, hasil bertambah dan ini seterusnya akan membolehkan Kerajaan menyediakan lebih banyak peruntukan untuk menaikkan taraf hidup rakyat.

Oleh itu, pertumbuhan ekonomi yang berterusan amat penting bagi membolehkan Kerajaan memberi khidmat kepada rakyat. Kita tidak boleh membiarkan pertumbuhan ini digugat oleh mana-mana pihak.

## KEMAJUAN YANG PESAT

BERIKUTAN pertumbuhan ekonomi negara yang menggalakkan sepanjang dekad 1980-an, pendapatan purata rakyat Malaysia telah meningkat dengan banyaknya. Tidak dapat dinafikan bahawa pada hari ini rakyat Malaysia bukan hidup dalam "neraka" seperti yang didakwa oleh setengah pihak. Sebaliknya rakyat Malaysia patut bersyukur bahawa mereka hidup dalam keadaan yang lebih selesa daripada rakyat di banyak negara lain.

Rakyat negara asing yang sudah ke Malaysia amat kagum dengan kemajuan yang dicapai oleh negara kita dalam masa yang singkat. Rakyat Malaysia yang pernah ke luar negeri pula akan sedar betapa bertuahnya kita yang hidup di bumi Malaysia yang kaya dengan sumber dan dipimpin oleh orang-orang yang mempunyai wawasan yang jelas dan berpandangan jauh.

### PENDAPATAN PER KAPITA

Untuk membuat perbandingan pencapaian kita dengan negara-negara membangun yang lain, kita



boleh lihat kepada pendapatan purata setiap penduduk. Pendapatan purata atau *per capita income* sesebuah negara dikira dengan membahagikan jumlah pendapatan negara tersebut dengan bilangan penduduk.


Angka-angka terakhir daripada Bank Dunia hanya membolehkan kita membuat perbandingan antarabangsa bagi tahun 1988. Pendapatan per kapita Malaysia pada tahun 1988 berjumlah AS\$1,940 atau kira-kira \$5,000.00 wang kita. Hari ini ia sudah pun melebihi \$6,000.00. Negara Singapura adalah lebih maju daripada kita dengan pendapatan per kapita sebanyak AS\$9,070.

Kita tidak boleh bandingkan pendapatan Singapura yang mempunyai keluasan kecil iaitu kira-kira 240 batu persegi (Kuala Lumpur 90 batu persegi) berbanding dengan pendapatan rakyat Malaysia yang sebahagian besar penduduknya tinggal di luar bandar dan banyak bergantung kepada sektor pertanian, yang mana daya pengeluarannya masih pada tahap yang rendah. Lihat **Jadual IX**.

Banyak petunjuk yang boleh kita gunakan untuk memberi gambaran betapa rakyat negara kita telah mencapai kemajuan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Perangkaan-perangkaan di **Jadual X**, **XI** dan **XII** jelas menunjukkan kemajuan ini.

## **DAYA BELI BERTAMBAH**

Pada tahun 1989, terdapat 134,286 buah motosikal dan 95,082 buah kereta baru yang didaftarkan. Pada tahun 1987 iaitu semasa pendapatan rakyat rendah akibat kemelesetan ekonomi, hanya 72,238 buah motosikal



Permodalan Nasional Berhad lambang kejayaan Bumiputera. Kini kira-kira 44% daripada Bumiputera yang layak telah melabur. Jumlah yang dilaburkan menunjukkan rakyat mendapat faedah daripada pertumbuhan ekonomi negara.

**Jadual IX**  
**Perbandingan Pendapatan Per Kapita**  
**Beberapa Negara Membangun Tahun 1988**

Negara	Pendapatan Per Kapita (Dolar Amerika Syarikat)
Bangladesh	170
China	330
India	340
Indonesia	440
Filipina	630
Mesir	600
Thailand	1000
Turki	1230
Mexico	1760
Malaysia	1940
Korea Selatan	3600
Singapura	9070

**Jadual X**  
**Bilangan Pendaftaran Kereta Baru Persendirian**

Tahun	Bilangan Pendaftaran Kereta
1986	55,503
1987	44,111
1988	63,179
1989	95,082
Januari - Mac 1990	29,406
(Januari - Mac 1989)	20,174)

dan 44,111 buah kereta baru dibeli. Bilangan lesen TV yang dibayar pada tahun 1989 berjumlah 652,226 berbanding dengan 446,743 dalam tahun 1986.

**Jadual XI**  
**Bilangan Pendaftaran Motosikal Baru**  
**Yang Didaftarkan**

Tahun	Bilangan Pendaftaran
1986	109,859
1987	72,238
1988	86,166
1989	134,286
Januari - Mac 1990	42,644
(Januari - Mac 1989)	31,946)

**Jadual XII**  
**Bilangan Lesen TV Baru**

Tahun	Bilangan Lesen
1985	448,283
1986	446,743
1987	535,072
1988	592,977
1989	652,226
Januari - Mac 1990	234,678
(Januari - Mac 1989)	230,330)

Ini semua menunjukkan daya beli penduduk Malaysia telah bertambah, dan membuktikan dengan jelas pertumbuhan pesat ekonomi negara.

Yang penting ialah pertambahan daya beli ini bukan sahaja dinikmati oleh rakyat di bandar, tetapi juga di luar bandar. Ini dapat dilihat daripada pertambahan dalam pembelian motosikal, yang banyak juga digunakan oleh penduduk luar bandar. Selain

daripada itu, bilangan orang kampung yang menunaikan fardhu haji juga bertambah dari tahun ke tahun. Di musim haji yang baru lalu, lebih 36,000 rakyat Malaysia menunaikan haji berbanding dengan 14,442 dalam tahun 1980.

Bilangan petani dan nelayan yang melabur dalam Amanah Saham Nasional (ASN) juga bertambah dengan banyak. Pada 31 Julai 1990, kira-kira 36 peratus atau 884,002 daripada jumlah pelabur ASN adalah petani, nelayan, peneroka, buruh dan peniaga kecil. Ini merupakan pertambahan kira-kira dua kali ganda berbanding dengan bilangan kumpulan ini yang melabur dalam tahun 1982. Secara keseluruhannya 43.7 peratus daripada Bumiputera yang layak melabur dalam ASN telah melabur pada akhir bulan Julai 1990.

Nilai pelaburan dalam ASN pada masa ini adalah kira-kira \$6.4 ribu juta. Ini adalah satu jumlah yang besar, yang hanya dapat dikumpulkan jika pendapatan rakyat bertambah. (Lihat **Jadual XIII dan XIV**).

Sesungguhnya ini semua adalah bukti yang nyata yang menunjukkan ekonomi negara semakin hari semakin kukuh dan faedahnya dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat. Memang benar, kita masih mempunyai ramai rakyat miskin tetapi Kerajaan sedang berusaha dengan gigih untuk membasmi kemiskinan melalui pelbagai program dan rancangan.

## **PRESTASI SYARIKAT DAN BANK MENINGKAT**

Prestasi ekonomi yang amat menggalakkan akhir-akhir ini boleh juga dilihat daripada keuntungan yang

**Jadual XIII**  
**Penyertaan Dan Pelaburan Di Dalam Skim ASN**  
**Mengikut Pekerjaan Sehingga 31 Julai 1990**

Pekerjaan	Pelabur Terkumpul	Nilai Pelaburan Bersih (\$)
Pentadbir & Pengurus	19,906	375,730,846
Eksekutif	47,558	528,618,583
Kakitangan Perkeranian	232,731	1,192,194,048
Kakitangan Buruh	395,011	715,006,380
Tentera	119,504	252,463,632
Polis	67,637	207,209,191
Guru	100,310	607,551,715
Petani	390,178	337,570,715
Nelayan	23,309	21,267,291
Peniaga	50,917	229,524,625
Bekerja Sendiri	129,127	192,076,425
Pesara	17,060	90,531,174
Suri Rumah	412,309	880,225,538
Pelajar	131,838	340,303,508
Peneroka	75,704	67,330,325
Tidak Bekerja	205,136	291,957,583
Lain-lain	31,900	69,725,134
JUMLAH	2,450,135	6,399,286,833

diperolehi oleh syarikat-syarikat swasta. Baru-baru ini syarikat Sime Darby telah mengumumkan keuntungan sebanyak \$610 juta. Guthrie mencapai keuntungan sebanyak \$156 juta dan UMW sebanyak \$101 juta. Syarikat-syarikat ini untung kerana ekonomi berkembang.

Jika ekonomi negara menghadapi masalah seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak, atau kita hidup

**Jadual XIV**  
**Penyertaan Golongan Berpendapat Kecil**  
**Dalam Skim ASN (1982-1990)**

Golongan	TAHUN		
	1982	1985	1990
Buruh	184,561	337,662	395,011
Petani	224,374	364,374	390,178
Nelayan	10,997	20,645	23,309
Peneroka	44,889	72,100	75,704
<b>JUMLAH</b>	<b>464,821</b>	<b>794,781</b>	<b>884,202</b>

dalam "neraka", masakan syarikat-syarikat ini akan mencapai keuntungan.

Syarikat-syarikat ini mencapai keuntungan bukan saja kerana prestasi ekonomi negara semakin baik tetapi juga kerana keadaan aman damai di negara kita. Kejayaan syarikat-syarikat ini adalah kejayaan kita semua, termasuk pekerja dan majikan yang bekerja keras untuk menghasilkan barangan untuk pasaran dalam dan luar negeri. Keuntungan besar yang dicapai oleh syarikat-syarikat ini juga akan memberi manfaat kepada rakyat kerana kutipan hasil yang meningkat akan membolehkan Kerajaan menyediakan lebih banyak peruntukan bagi faedah rakyat.

Bank-bank dan institusi kewangan juga telah menunjukkan prestasi yang amat membanggakan. Kesemua bank sudah pun mencapai keuntungan. Pada tahun ini, Malayan Banking Berhad umpamanya mencatat keuntungan sebanyak kira-kira \$360 juta. Satu masa dahulu keadaan amat tenat dan Kerajaan terpaksa membelanjakan beratus-ratus ribu ringgit

untuk menyelamatkan mereka. Pada hari ini bank-bank bukan sahaja mencapai keuntungan besar, tetapi sudah menerima banyak "lamaran" daripada pelabur asing dan dalam negeri untuk membeli saham mereka. Pemulihan dalam prestasi bank adalah disebabkan oleh pemulihan ekonomi negara, penguurusan yang lebih cekap dan penguatkuasaan peraturan-peraturan yang dapat mengurang dan seterusnya mengelakkan penyelewengan.

### INFLASI RENDAH

Yang penting ialah pertumbuhan ekonomi negara telah dicapai dalam konteks kestabilan harga. Inflasi memang ada, tetapi kadarnya amat rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Di negara kita, dari tahun 1976 hingga tahun 1984, harga meningkat sebanyak 5 peratus setahun secara purata, manakala bagi tempoh 1985 hingga 1989, harga meningkat 1.42 peratus sahaja setahun. Dalam seluruh tempoh 1976 hingga 1989, kadar inflasi yang paling tinggi ialah pada tahun 1981 apabila harga meningkat sebanyak 9.7 peratus. Kenaikan harga di negara kita sejak tahun 1976 dapat dilihat dari jadual di bawah ini. Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN, inflasi di negara kita adalah antara yang paling rendah. Bagi seluruh ASEAN, kadar inflasi pada tahun 1989 ialah 6.4 peratus berbanding dengan inflasi di negara kita sebanyak 2.8 peratus.

Pada tahun 1990, kadar inflasi di Malaysia adalah antara yang paling rendah di kalangan negara-negara Asia. (Lihat **Jadual XV dan XVI**).



**Jadual XV**  
**Kenaikan Harga di Malaysia**

Tahun	Kenaikan(%)
1976	2.6
1977	4.8
1978	4.9
1979	3.6
1980	6.7
1981	9.7
1982	5.7
1983	3.7
1984	3.6
1985	0.4
1986	0.6
1987	0.8
1988	2.5
1989	2.8
1990 (Jan - Jun)	2.4

**Jadual XVI**  
**Kadar Inflasi di Negara-negara Asia 1990**

Negara	Kadar (%)	Negara	Kadar (%)
Hong Kong	9.0	Filipina	13.5
Indonesia	7.5	Singapura	3.5
Korea Selatan	9.0	Thailand	6.5
Malaysia	4.0	Taiwan	10.1

Pada tahun ini, jika krisis di kawasan Teluk berlarutan, kadar inflasi mungkin naik sedikit kepada 4% tetapi ini tidak akan membebankan rakyat. Yang perlu kita sedari ialah semua negara di dunia

mengalami inflasi dan ia bukan perkara luar biasa. Ia bukan satu fenomena yang dialami oleh negara kita sahaja. Sedikit kenaikan harga pasti berlaku apabila wujud pertumbuhan ekonomi, kerana apabila ekonomi berkembang, pendapatan dan perbelanjaan akan meningkat. Apabila perbelanjaan meningkat, tetapi barang yang dikeluarkan tidak bertambah dengan banyak, harga mesti naik.

Yang penting bagi kita ialah kenaikan harga mesti dikawal. Ini telah berjaya kita bendung dan kita akan dapat mengawal kenaikan harga di masa hadapan, kerana dasar-dasar berkesan yang kita laksanakan.

Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk mengawal inflasi termasuk memberi subsidi kepada pengguna. Sejak krisis Teluk tercetus pada 2 Ogos 1990, harga minyak telah meningkat dengan banyak. Di beberapa negara jiran, harga minyak telah naik 100%. Sepatutnya harga minyak di negara kita naik sebanyak itu juga. Tetapi untuk meringankan beban rakyat dan mengawal inflasi, harga minyak di negara kita naik kira-kira 6 sen sahaja, atau 6%. Kenaikan sebanyak ini tidak harus membawa kepada kenaikan dalam harga barang di negara kita. Oleh kerana kenaikan harga minyak sebanyak 6% sahaja, Kerajaan terpaksa menanggung beban subsidi sebanyak \$400 juta sehingga tahun ini.

Ini semua menunjukkan Kerajaan peka terhadap penderitaan yang mungkin dialami oleh rakyat akibat kenaikan harga minyak petroleum dan kenaikan harga barang secara umumnya.

## PENUTUP

DARI satu keadaan yang hampir gelap gulita, ekonomi negara kita bukan saja telah pulih, tetapi lebih daripada itu, ia telah berkembang dengan pesat. Perkembangan ini dapat dilihat daripada perangkaan-perangkaan yang disebutkan dalam buku ini.

Hakikatnya ialah pemimpin negara kita telah berjaya menukar wajah negara kita dari sebuah negara yang menghadapi banyak masalah ekonomi pada tahun 1985 dan 1986 kepada sebuah negara yang mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh. Ini semua dapat dicapai kerana negara kita aman dan stabil, serta kita mempunyai Kerajaan yang kuat yang menerima sokongan lebih 2/3 daripada rakyat. Sebuah Kerajaan yang lemah sudah tentu telah lama kecundang dibawa oleh arus kemelesetan yang melanda negara pada tahun 1985.

Sebuah Kerajaan yang lemah tidak mampu membentuk serta melaksanakan dasar untuk faedah rakyat. Sebuah Kerajaan yang lemah akan terbuang masanya untuk *politicking* dan menyelesaikan pertelagahan sesama sendiri. Apabila ini berlaku,



Asas yang kukuh sedang dibina oleh Kerajaan sekarang untuk membolehkan anak-anak negara ini hidup dalam sebuah negara yang makmur, aman dan stabil.

4 DEC. 1990

pertumbuhan ekonomi akan tergendala dan keyakinan pelabur akan terjejas.

Tetapi rakyat Malaysia pada hari ini semakin sedar betapa pentingnya Kerajaan yang kuat mentadbirkan sebuah negara majmuk seperti negara kita. Mereka sedar bahawa yang paling penting ialah keharmonian dan kebahagiaan hidup serta jaminan untuk masa depan anak-anak mereka. Mereka sedar bahawa pencapaian negara sehingga kini akan hilang dalam sekelip mata jika negara dipimpin oleh sebuah Kerajaan yang lemah. Telah banyak contoh perkara seperti ini berlaku di sekeliling mereka. Mereka juga sedar bahawa amat sukar bagi mengembalikan keyakinan sesudah ianya terjejas.

Oleh itu, demi kemajuan ekonomi negara dan kestabilan politik, tidak ada pilihan yang lain melainkan Kerajaan yang ada pada hari ini. Sebuah Kerajaan yang sudah banyak menabur bakti kepada rakyat dan mempunyai rancangan yang amat baik untuk menjadikan negara kita sebuah negara industri yang ternama dan dihormati serta disegani oleh masyarakat antarabangsa.